


Headline **MEdan Info Desa give benefit (Medan Info Desa beri manf...**
Date **25. Jul 2007** Language **MALAY**
Media Title **Harian Metro** Page No **10**
Section **Variasi** Article Size **223** cm2
Circulation **172903** Frequency **Daily**
Readership **605160** Color **Full Color**



Medan Info Desa beri manfaat



MANFAAT...belia luar bandar penuhi masa lapang di pusat berkenaan.

UNTUK mengurangkan jurang teknologi maklumat (IT) antara masyarakat luar bandar dan bandar, penubuhan Pusat Medan Info Desa di kawasan luar bandar nyata memberi manfaat.

Ini terbukti selepas lebih 500 belia termasuk pelajar dan warga emas luar bandar di kawasan Mukim Hulu Doang di Kampung Pamah Kulat, Raub sudah menikmati sepenuhnya kemudahan IT sejak empat tahun lalu.

Kemudahan lengkap termasuk tenaga pengajar disediakan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah nyata

memberi kesan positif kepada golongan belia luar bandar.

Ia selaras dengan hasrat kerajaan untuk memupuk budaya IT di kalangan masyarakat luar bandar yang sering dikatakan ketinggalan dalam perkembangan IT dan digital.

Pusat Info Desa itu dibuka setiap Isnin hingga Jumaat mulai jam 10 pagi hingga 5 petang.

Pengurus pusat berkenaan, Zalyira Ibrahim, 27, berkata kemudahan lengkap komputer disediakan Kementerian dan Mimos Berhad itu cukup bermanfaat untuk masyarakat luar bandar.

“Lazimnya pengunjung di

sini adalah golongan kurang berkemampuan untuk memiliki komputer sendiri.

“Mereka dapat memenuhi masa lapang dengan melayari Internet dan tidak ketinggalan dalam dunia digital,” katanya.

Pusat terbabit adalah pertama ditubuhkan di Pahang. Sehingga kini, ia sudah dilengkapi 20 unit komputer untuk sesi kursus dan 10 unit lagi untuk melayari Internet.

“Pusat IT ini sudah menjadi pilihan utama bagi sebarang kursus yang berasaskan komputer bagi kaki tangan jabatan kerajaan Pahang atau syarikat swasta setempat,” katanya.